

## BAB V

### SIGAH DAN MASYARAKAT

#### 5.1 Pengenalan

Hubungan sigah dan masyarakat yang jelas kelihatan ialah dari segi bentuk dan ikatan sigah yang mencirikan sesebuah kaum. Bagi masyarakat di luar kelompok masyarakat yang terlibat dengan sigah, hubungan sigah dan sesebuah kaum hanya dapat mereka lihat dari segi tularan sahaja atau kurang memahami identiti sigah sesuatu kaum.

Kebudayaan memakai sigah yang diamalkan hingga kini menunjukkan sigah memainkan fungsi sosial tertentu yang masih diperlukan oleh masyarakat terlibat. Dalam bahagian ini pengkaji akan melihat aspek-aspek sosial tertentu yang berkaitan dengan pemakaian sigah. Tumpuan akan diberikan kepada kaum Rungus dan Kadazan Papar. Walaupun demikian, sebenarnya dalam banyak keadaan fungsi sosial sigah mempunyai banyak persamaan antara satu kaum dengan kaum yang lain.

#### 5.2 Sigah dan Undang-Undang Adat

Sebagai satu bentuk kebudayaan yang sudah lama diamalkan, sigah telah menjadi sebahagian dari sistem adat masyarakat terlibat. Ini juga menunjukkan bahawa budaya memakai sigah ini telah menjadi sebahagian kehidupan masyarakat itu.

Bagi kaum Irranun, Bajau, Rungus, Kadazan Dusun, Lundayeh dan Kimaragang,<sup>29</sup> kebudayaan ini telah lama terserap dalam budaya mereka.

<sup>29</sup> Kimaragang adalah kaum yang terdapat di Daerah Kota Marudu dan Pitas. Mereka memakai Sigah dalam tarian tradisional mereka iaitu Pinakang.

Terdapat juga kaum yang mendapat pengaruh luar seperti Dusun Begahak di Lahad Datu. Mereka dipengaruhi oleh pedagang-pedagang Bugis yang selalu berdagang di tempat mereka suatu masa dahulu. Menurut Encik Bising bin Korin,<sup>30</sup> dahulunya mereka (Dusun Begahak) tidak memakai sigah tetapi oleh kerana tertarik dengan bentuk pakaian itu mereka pun turut memakainya. Bagaimanapun tambah beliau kelengkapan berpakaian itu tidak ada kaitan dengan sistem adat mereka dan merupakan kelengkapan berpakaian semata-mata.

Bagi masyarakat Rungus, satu peraturan adat yang penting mengenai pemakaian sigah ialah peraturan membuka dan memasangkan sigah. Seseorang tidak dibenarkan membuka sigah yang sedang dipakai oleh seseorang. Ini adalah tidak memberikan kekecualian kepada siapa sahaja. Menurut hukum adat tradisional, seseorang yang didapati melanggar peraturan ini boleh dihukum dengan denda sebuah gong yang berharga sekitar \$100.00 ringga ke sebuah gong besar atau tavag (Ru) yang bernilai hingga \$500.00 sebuah. Bagaimanapun sekiranya orang yang dibukakan sigah tidak mendakwa sang itu tiada sebarang prosedur hukum adat dijalankan.

Perlanggaran hukum adat ini dianggap menghina dan menjatuhkan arauah seseorang. Seseorang yang memakai sigah adalah untuk menghormati orang lain dan juga dirinya. Apabila perlanggaran hukum adat ini dilakukan maka orang yang membuka sigah itu dianggap sebagai tidak beradat dan tidak menghargai penghormatan yang diberikan oleh seseorang itu.

---

<sup>30</sup>Encik Bising bin Korin adalah salah seorang peserta rombongan kebudayaan Dusun Begahak dari Lahad Datu, Sabah. Beliau berumur 55 tahun. Pengkaji menemuramah beliau semasa pesta menuai peringkat Negeri Sabah pada 30 dan 31 Mei 21991.

penghormatan ini adalah tergantung kepada keadaan kerana sebaliknya, jika seseorang itu tidak memakai sigah sekalipun, ia tidak akan dituduh tidak menghormati majlis itu. Kekecualian ini khususnya ditujukan kepada golongan remaja dan mereka yang kurang berkemampuan. Sebaliknya lagi mereka yang mempunyai kedudukan sosial seperti ketua kampung atau pemimpin setempat, orang yang agak berada dan pelawat luar sebaik-baiknya haruslah memakai sigah.

Memakaikan sigah kepada ahli keluarga yang meninggal dunia (laki) khususnya oleh anak lelaki kepada jenazah bapanya, merupakan satu amalan adat yang bertujuan untuk menghormati si mati. Suatu tujuan tersembunyi dalam amalan ini ialah untuk menunjukkan kemampuan ekonomi dan kemakmuran anak-anak si mati. Sekiranya sigah yang dipakaikan hanya kain biasa atau tidak setimpal dengan kemampuan ekonomi anak-anaknya maka orang ramai akan menganggap anak-anak itu kurang menghormati si mati. Sigah yang sebaik-baiknya dipakaikan ialah sigah laman. Nilai sigah yang lebih tinggi akan menggambarkan kejayaan si mati mendidik dan mengasuh anak-anaknya hingga menjadi orang yang berkemampuan dari segi ekonomi. Amalan ini walaupun kurang ditekankan tetapi masih lagi diamalkan hingga kini.

Keadaan ini membayangkan betapa masyarakat Rungus amat mementingkan penghormatan kepada ibubapa. Dalam tujuan yang lebih luas, ini merupakan satu kawalan dan sosialisasi untuk memastikan anak-anak menghormati ibubapa mereka.

Memakaikan sigah kepada orang lain juga merupakan sejenis penghormatan yang diberikan oleh seorang individu dan sekumpulan masyarakat kepada seseorang yang dihormati, berjasa. Biasanya seorang pemimpin.



Gambar 19 and 20

Bagaimanapun menurut Encik Daang Ompirang, amalan ini hanya bermula di Sabah bila bermulanya kemunculan parti-parti politik dalam tahun atau awal 1960an. Bahagian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam 5.5.1.

#### 4.4 Sigah dan Kepercayaan (Rujuk Gambar 19 dan 20)

Untuk bahagian ini pengkaji akan menumpukan fungsi sigah dalam ritual Modsuung (KP) yang dilakukan oleh kaum Kadazan dalam Daerah Papar khususnya di Kampung Rampazar, Kampung Tempasak, Kampung Suok dan Kampung Agoron. Kampung-kampung ini adalah berdekatan antara satu sama lain. Pekan Papar sebenarnya terletak kira-kira 70 kilometer dari Kota Kinabalu dan kampung-kampung ini berada lebih kurang 5 kilometer dari pekan Papar.

Upacara Modsuung ini bermakna ritual untuk memuja dan menjamu hantu supaya hantu-hantu itu tidak mengganggu tanaman dan ternakan penduduk-penduduk kampung terlibat dan kampung-kampung lain. Jika tidak dilakukan hantu-hantu itu akan mengganggu tanaman dan ternakai mereka dalam bentuk banjir, penyakit, kemarau, serangga perosak dan sebagainya. Menurut penduduk kampung kejadian buruk seperti ternakan mati dengan tiba-tiba dan serangan serangga perosak pernah berlaku hingga memaksa mereka mengadakan semula ritual pemujaan ini.

Upacara ini sebenarnya dibahagikan kepada tiga peringkat. Bagaimanapun pengkaji hanya berkesempatan<sup>31</sup> mengikuti peringkat

<sup>31</sup> Pengkaji telah berkunjung ke Kg. Rampazar, Papar atas undangan Encik Thomas Majanil. Beliau merupakan pengurus JKKK di Kampung tersebut. Pengkaji berkenalan dengan beliau semasa Pesta Kaamatan Negeri Sabah pada 30 dan 31 Mei 1991. Tempat yang dilawati ialah di Kg. Ulu Suok kira-kira 3 kilometer dari Kg. Rampazar. Masa kajian dan pemerhatian ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

pentama sahaja.

Peringkat 1 - Memanggil dan memuja hantu dengan menjamu di Ulu Suok. Ritual ini diadakan selama sehari bermula pukul 6 pagi hingga 6 petang.  
- pantang <sup>32</sup> hari.

Peringkat 2 - Ritual diadakan di sungai. Ini bertujuan menghantar hantu-hantu ke laut. Ritual diadakan selama sehari mula 6 pagi hingga 6 petang.  
- pantang sehari.

Peringkat 3 - Ritual diadakan di kuala untuk mengucapkan selamat jalan kepada hantu-hantu. Ritual diadakan selama 2 hari 1 malam.  
- pantang 3 hari  
- selesai.

Selepas ketiga-tiga peringkat ritual ini selesai maka upacara dianggap sebagai telah berjaya dilaksanakan. Semasa menjamu hantu itu tersebut dalam setiap peringkat, orang ramai<sup>33</sup> yang hadir juga

---

Pantang di sini merujuk kepada larangan melakukan pekerjaan yang mengeluarkan bunyi seperti memotong kayu atau menembak (berburu). Sebaik-baiknya orang berkenaan berada di sekitar atau dalam rumah sahaja.

Orang ramai yang hadir pada hari tersebut adalah kira-kira 120 orang. Menurut Encik Appolonius Andrew (Ketua kampung, Kg. Rampazan), kira-kira 90% yang hadir adalah Kristian dan 10% lagi agama tradisional. Orang ramai di peringkat kedua dan ketiga akan turut melibatkan atau disertai oleh kaum Bisaya (Islam) secara tidak langsung iaitu dengan memberi beras dan bantuan kelengkapan tapi yang melakukan pemujaan adalah bobohizan Kadazan Papar.

...an bersama-sama di tempat pemujaan tersebut. Semasa ritual dijalankan semua orang yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dengan ritual ini tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja yang melakukan suara bising seperti menebas, menebang kayu, menembak (berburu) dan sebagainya. Ini dikhuatiri akan mengganggu hantu-hantu yang sedang berkeliaran ketika itu.

Pemanggilan hantu akan dilakukan di peringkat pertama. Seorang memanggil hantu akan memanggil hantu dengan naik di atas seketul batu <sup>34</sup> dan menjeritkan Kuuuuuuuuuuuk...! sebanyak 3 kali. Selepas memanggil hantu itu (lelaki) akan turun dari batu besar itu dan bohizan <sup>35</sup> pula mengambil peranan untuk menjalankan upacara seterusnya.

Hantu-hantu yang akan dipanggil adalah sebanyak 10. Bagaimana hanya 7 yang terdapat di Ulu Suok dan selebihnya di Kg. Sogoron (1 km dari Kg. Suok). Hantu <sup>36</sup> di Ulu Suok ialah:

1. Raja Malahun
2. Datu <sup>37</sup> Bintangol

---

Batu besar ini (lihat Gambar 19) dipercayai telah berada di tempatnya beratus tahun dahulu dan dipercayai semakin membesar.

Bohizan adalah dukun wanita dalam masyarakat Kadazan Dusun. Bohizan dalam ritual ini akan diberi upah beras dan ayam untuk menjalankan ritual.

<sup>35</sup> Perhatikan ada nama hantu berunsurkan Islam dan nama Kadazan. Nama-nama ini dipercayai pembesar-pembesar tempatan suatu masa dulu.

Gelaran 'Datu' adalah gelaran yang diberikan oleh Kesultanan Brunei kepada pembesar-pembesar tempatan semasa pemerintahan Kesultanan Brunei menguasai pantai barat Sabah.

3. Sultan Kahar
4. Beliau Kaling
5. Sultan Sariwading
6. Datu Mogonibung
7. Datu Panjang

#### Hantu di Kg. Sorogon

8. Sultan Muda
9. Siti Rohani
10. Simangkob

Berbalik kepada persoalan sigah, pengkaji mendapati pemanggil hantu dimestikan memakai sigah walau kain biasa sekalipun. Puan Mundikai bt Osinal<sup>38</sup> menjelaskan bahawa sigah itu memainkan peranan kepada hantu-hantu yang datang. Hantu-hantu itu dipercayai adalah orang-orang besar yang pernah berkuasa daerah-daerah sekitar suatu masa dahulu. Itulah sebabnya terdapatnya gelaran 'sultan' atau 'datu' tersebut. Ketibaan mereka juga bukan sahaja sebagai 'orang besar' tetapi juga sebagai 'datu makhluk yang memiliki kuasa 'supernatural''. Oleh itu mereka harus informatif.

Selain daripada itu pemakaian sigah itu juga merupakan tanda mengenalan pemanggil hantu dan masyarakat yang memanggilnya. Dipercayai bahawa sekiranya pemanggil tidak memakai sigah, hantu-hantu itu tidak akan dapat mengenali masyarakat yang memanggilnya setiap tahun.

<sup>38</sup> Puan Mundikai bt Osinal adalah bobohizan yang paling 'senior' dalam ritual peringkat pertama. Beliau menjadi orang rujukan sekiranya ada masalah yang berlaku. Beliau berumur 71 tahun.

Dari kajian ini, adalah jenis bahawa sigah juga mempunyai fungsi yang berkaitan dengan kepercayaan khususnya kepercayaan animisme.

### 5.5 Sigah dan Pengiktirafan (Rujuk Gambar 21)

Sigah juga berfungsi sebagai salah satu perlengkapan pakaian dalam upacara pengiktirafan seorang Huguon Siou (K/d). Konsep ini benarnya terdapat dalam masyarakat Kadazan Dusun termasuk kaum Rungus. Huguon bermakna padu dan Siou (K/d, Ru) bermakna berani. Gelaran Huguon Siou diberikan kepada individu yang berjaya menyatupadukan masyarakat Kadazan Dusun. Kepimpinan orang yang dipilih ini dihormati oleh orang ramai, seorang yang boleh dipercayai dan pemimpin yang menjadi simbol perpaduan dan kekuatan.

Pada masa ini gelaran seumpama ini dianugerahkan kepada YAB Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ketua Menteri Sabah. Semasa hari pengiktirafan beliau, ia telah dipakaikan dengan sigah sebagai salah satu perlengkapan berpakaian. Gambar YAB dalam kajian ini diambil semasa penganugerahan beliau sebagai Huguon Siou oleh masyarakat Rungus di Daerah Kudat. Upacara ini dijalankan sempena perasmian dan pelancaran Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA)<sup>39</sup> di Daerah Kudat pada tahun 1989.

### 5.6 Sigah dan Politik Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai berbagai kumpulan etnik. Di Semenanjung Malaysia, kaum Melayu, Cina dan India merupakan

<sup>39</sup> Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) adalah badan kebudayaan yang cuba menyelaraskan kegiatan kebudayaan suku-suku di bawah kumpulan Kadazan Dusun. Ia diasaskan pada Disember 1963 (Jitilon 1989: 15)



Gambar 21

kaum-kaum utama, di Sarawak kumpulan Iban merupakan majoriti manakala di Sabah kumpulan Kadazan Dusun adalah kumpulan yang agak majoriti. Kepelbagaian kaum ini dicirikan pula dengan kepelbagaian agama dan kepercayaan. Agama seperti Islam, Kristian, Hindu, Buddha serta agama tradisional menjadikan masyarakat Malaysia unik dan kompleks.

Resam manusia, setiap kumpulan akan cuba mempertahankan, mengejalkan dan memelihara identiti dan kepentingan masing-masing. Sebagaimana isu agama dan perkauman menjadi perkara yang dianggap sebagai positif. Kerajaan melalui perlembagaan cuba mengawal isu ini demi menjaga keharmonian negara. Usaha ini ditambah dengan pelbagai akta peraturan yang melarang isu-isu tersebut digunakan untuk kepentingan gelintir pihak sahaja. Soalnya bagaimana pula halnya bila pihak berwasa sendiri yang terlibat dengan penyalahgunaan isu-isu tersebut?

#### 1.6.1 Sigah Dalam Sejarah Politik Sabah

Di Sabah kepelbagaian etnik membawa kepelbagaian budaya. Lebih etnik yang terdapat di Sabah mempunyai identiti budaya masing-masing. Begaimanapun adalah jelas bahawa terdapatnya banyak persamaan di kalangan etnik-etnik ini. Dalam kehidupan seharian mereka misalnya, aktiviti bertanian menjadi aktiviti utama dan kebanyakan kaum juga merayakan Asta Menuai yang dirayakan setiap bulan Mei.

Amalan memakai sigah seolah-olah menjadi satu identiti Negeri Sabah, walaupun tidak semua kaum memakainya. Apa yang unik mengenai pakaian sigah ialah, pakaian ini seolah-olah mengikat perpaduan kumpulan-kumpulan Muslim dan bukan Muslim. Kumpulan Muslim seperti Bejau, Irranun, Suluk, Ubiyan, Kedayan dan lain-lain dengan kumpulan

yang bukan Muslim seperti Kadazan Dusun, Rungus, Lundayeh, Kimaragang dan sebagainya. Bagaimanapun niemang terdapat juga penganut-penganut Islam dalam kumpulan bukan Muslim tersebut.

Fungsi pemakaian sigah yang berdasarkan maruah dan kehormatan amalan diserapkan dalam sistem politik moden. Amalan memakaikan sigah kepada seorang pemimpin untuk tujuan penghormatan adalah suatu fenomena masa di Sabah masa kini.

Menurut kajian pengkaji, Sigah mula digunakan dalam politik moden di Sabah sejak awal tahun 1960. Pada masa tersebut telah berlaku tumbuhan parti-parti politik tempatan seperti United People of Kadazan Organization (UPKO) yang ditubuhkan pada tahun 1964 dan United National Kadazan Organization (UNKO) yang ditubuhkan pada tahun 1961. Sejak tahun-tahun tersebut sigah mula dipakaikan kepada orang-orang yang dihormati. Bagaimanapun kebiasaan awalnya iaitu mengalungkan bunga masih berterusan. Menurut Encik Daang Ompirang, di Kudat, adalah dipercayai bahawa majlis pertama yang memakaikan sigah kepada seseorang (pemimpin) akan semasa UNKO membuka cawangannya di Kg. Lotong, Kudat pada tahun 1963. Calon UNKO di kawasan Dewan Undangan Negeri N2 Kudat Encik Chin Chung dipakaikan sigah oleh Encik Basi Dansalan Ketua Kampung, Sungai Lotong.

Pengkaji berpendapat amalan memakaikan sigah ini adalah suatu cara mengintegrasikan politik moden dengan suasana masyarakat tempatan.

Fungsi pemakaian sigah yang semakin universal ini akan memberi peluang kepada individu dan masyarakat lain untuk menikmati kebayaan memakai sigah.

## 5.6.2 Sigah Dalam Pilihanraya Umum 1990

19 Oktober 1990 merupakan tarikh yang keramat bagi sigah. Ia selama ini sigah tidak lebih daripada sehelai kain biasa, tapi pada tarikh itu sigah dipublisitikan semeluas-meluasnya. Radio Televisyen Malaysia dan TV3 (Sistem Televisyen Malaysia) berulang kali bawayangkan Tengku Razaleigh memakai sigah. Surat-surat khabar kebangsaan juga berbuat demikian.

Sayang sekali maklumat yang disampaikan ke seluruh negara adalah maklumat palsu. Kononnya lambang 'palang' pada sigah yang dipakai oleh Tengku Razaleigh dalam kempen pilihanraya adalah salib !

Para pemimpin UMNO telah mendakwa bahawa sigah yang dipakai oleh Tengku Razaleigh mempunyai lambang salib. Isu ini terus diputar-putarkan untuk menyerang peribadi Tengku Razaleigh kononnya beliau telah bertuankan orang Kristian, menggadaikan maruah bangsa dan agamanya sebagainya. Perkara ini telah dijadikan alat untuk menaikkan rasa keagamaan orang-orang Islam terutamanya di Semenanjung Malaysia.

Pada 19.10.90 akhbar Berita Harian menyatakan "Ku Li junjung Salib" dan inserta gambar Tengku Razaleigh dan Datuk Pairin di muka hadapannya. Benarnya Perdana Menteri Dr. Mahathir sendiri pernah memakai sigah yang mempunyai lambang yang sama semasa merasmikan Pesta Menuai Peringkat Negeri Sabah di Kudat pada 20 Jun 1980 sewaktu zaman pemerintahan PPDJAYA di Sabah (lihat lampiran). Maka jika betullah Tengku Razaleigh telah bertuankan Kristian pada 10.10.90 maka 10 tahun sebelum itu Dr. Mahathir telah lama bertuankan Kristian. Tapi perkara ini salah kerana motif itu bukanlah salib tapi hanya motif aperyan (Ir) atau motif silang.

Dengan mempertimbangkan bahawa keadaan pilihanraya pada ketika itu agak memihak kepada pembangkang atau sekurang-kurangnya sukar bagi Barisan Nasional mendapat majoriti 2/3, maka jelas bahawa motif aperyan itu telah dimanipulasikan untuk kepentingan politik UMNO dan Barisan Nasional. Motif tersebut dijadikan alat membakar semangat perkauman dan keagamaan orang-orang Melayu.

Demi kepentingan politik pihak terlibat, mereka bukan sahaja tidak menghiraukan peraturan dan undang-undang kempen pilihanraya malah menggunakan isu keagamaan dan perkauman sebagai isu utama untuk menaruhkan pihak lawan aperyan (Ir) menjadi salib, stesen televisyen menjadi pusat pengembangan agama Kristian, Pairin anti Islam, kuasa Melayu akan berakhir, orang kafir menentukan kedudukan politik orang Melayu, PBS tarik biasiswa 87 pelajar Melayu Sabah<sup>40</sup> dan banyak lagi. Maka kira seandainya PBS melakukan perkara ini pemimpin-pemimpin Islam yang bersama PBS sudah lama meninggalkan parti ini dan PBS sudah kalah dalam Pilihanraya Negeri 1990. Kalau Datuk Hassan Ibrahim<sup>41</sup> yang begitu dihormati kerana ketegasannya dan sangat menghormati undang-undang pun sanggup menggunakan isu perkauman (isu biasiswa pelajar Melayu), apatah lagi mereka yang seperti daun lalang... di mana angin beritiup di situ lah menurut termasuklah pemimpin-pemimpin UMNO dan siapa saja.

---

“Isu-isu ini ada dalam Tampiran keratan akhbar.

<sup>40</sup> Datuk Hassan Ibrahim adalah Pengurus Felda (Federal Land Development Authority) pada masa ini. Beliau membuktikan ketegasan dan prinsipnya dengan membentras penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh kukitangan Felda.

Datuk Salleh Tun Said Keruak<sup>42</sup> yang juga merupakan ADUN dilantik telah memberikan kenyataan akhbar bahawa laporan Berita Harian itu adalah kerana salahfaham tentang bentuk motif sigah yang dipakai oleh Pegu Razaleigh. Salahfaham ini menurut beliau adalah berpunca dari kurangnya pengetahuan tentang kebudayaan masyarakat Sabah.

Namun begitu pengkaji percaya SEBENARNYA editor Berita Harian yang mengetahui bahawa motif tersebut adalah bukanlah salib seperti yang dilaporkan. Dengan lain perkataan isu tersebut adalah sengaja edarkan dan direka-reka untuk menyemarakkan rasa keagamaan orang Melayu untuk memusuhi kumpulan bukan Muslim. Keadaan ini jelas bercak pada 20.10.90 Berita Harian dan akhbar-akhbar nasional yang lain telah diberikan salinan penafian Datuk Salleh Tun Said Keruak.

Namun begitu Berita Harian dan akhbar kebangsaan yang lain tidak menyiarkannya.

Sebenarnya isu sigah dalam Pilihanraya Umum 1990 bukanlah sekadar suatu penipuan dan manipulasi maklumat. Ia mempunyai pernyataan yang lebih luas. Ia menjelaskan isu agama dan perkauman begitu bebas digunakan dalam kempen pilihanraya di Malaysia walaupun kedua perkara disifatkan sebagai api dan minyak dalam sebuah negara multiracial seperti Malaysia. Walhal setiap hari pemimpin-pemimpin mencanangkan

---

Datuk Salleh Tun Said Keruak pada masa pilihanraya Parlimen 1990 adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah di lantik. Beliau adalah seorang Bajau. Beliau juga memegang jawatan Presiden Persatuan Bajau Bersatu Sabah. Kini beliau adalah salah seorang ahli UMNO di Sabah. Selepas beliau keluar dari Parti Bersatu Sabah (PBS).

"...lah kita bersatu", "Satu bangsa satu negara", "Bersatu kita maju" sebagainya tapi nampaknya bila musim pilihanraya cakap tak serupa. Demi kepentingan politik mereka rela meludan ke langit.

isu sigah juga menjelaskan terdapatnya kelemanan dalam sistem perlembagaan negara khususnya bila melibatkan isu-isu politik. Pihak berkuasa didapati tidak mengambil sebarang tindakan bila isu yang dinaram dalam kempen pilihanraya digunakan oleh segalintir pihak.

Dibawah Seksyen 4 Sedition Act 1948, dan Seksyen 3(1) Sedition Act 1948 adalah jelas menyatakan kesalahan telan dilakukan oleh pihak Barisan Nasional dan Barisan Nasional mengenai labuhan-labuhan mereka berat isu sigah tersebut.

Tiada tindakan dibuat oleh pihak berkuasa seperti Polis dan Menterian Dalam Negeri. Megat Junid<sup>44</sup> tersisu, Ketua Polis Negara juga tidak tahu menahu. Sebenarnya aduan Polis telah diauas oleh Phillip Wong<sup>45</sup> dan Encik Joseph Voon<sup>46</sup> pada 19/10/90, 7.30p.m. di Polis Karamunsing, Kota Kinabalu. Aduan tersebut telan diterima oleh Inspektor Latip Mosat. Hingga kini Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Omar belum menerima aduan itu.

---

Seksyen-skesyen ini ada dilampinkan.

Megat Junid adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Kabinet Malaysia 1990.

Encik Phillip Wong adalah calon Parti Bersatu Sabah PBS, Pilihanraya Negeri PI44 Gaya dalam Pilihanraya Parlimen 1990.

Encik Joseph Voon adalah calon Parti Bersatu Sabah PBS, Kawasan Negeraya PI45 Tanjung Aru dalam Pilihanraya Parlimen 1990.

Isu sigah dalam pilihanraya 1990 juga menjelaskan betapa lemahnya perpaduan masyarakat Malaysia khususnya bila isu-isu agama dan perkauman dicanangkan. Semua orang tahu bahawa isu-isu agama dan perkauman tersebut adalah semata-mata untuk kepentingan pihak tertentu dan bukan isu yang boleh dipercayai. Kebanyakan orang juga tahu bahawa isu tersebut dilarang sama sekali dalam pilihanraya.

Masalah lemahnya perpaduan ini disokong pula dengan masalah madnya pengetahuan mengenai kebudayaan masyarakat lain. Keadaan iniambah lagi dengan rasa prejedis terhadap kaum sendiri. Keadaan takin buruk bila ada pihak yang menangguk di air keruh iaitu cuba mengambil kesempatan di atas kelemahan ini untuk kepentingannya mereka sahaja.

Konsep kebudayaan kebangsaan haruslah dikaji semula agar lebih mekankan aspek multiracial dalam mencari satu identiti kebudayaan kebangsaan. Selagi konsep kebudayaan kebangsaan diasaskan kepada budaya tertentu, selagi itulah identiti yang diterima oleh semua pihak tidak akan ditemui. Dalam usaha meujudkan satu konsep kebudayaan kebangsaan perkembangan budaya setiap kaum juga haruslah digalakkan. Iaiah suatu kenyataan bahawa setiap kaum niempunyai identiti masing-masing dan kenyataan ini haruslah diterima dalam usaha meujudkan masyarakat yang lebih harmoni dan bersatupadu.

### Kesimpulan

Sebagai rumusannya isu sigah dalam pilihanraya umum 1990 merupakan satu jendela kecil yang menampakkan bagaimana pilihanraya

maslakan di negara ini. Isu agama dan perkauman masih menjadi umpan jana mengaut pengundi. Kononnya 13 Mei 1969 akan berulang sekiranya politik menyokong Barisan Nasional. Masalah perpaduan dan kurangnya kesedaran tentang pentingnya mengetahui kebudayaan kaum lain telah menyebabkan masyarakat kita bersikap mementingkan kepentingan golongan sendiri-masing. Akhir sekali semua ini telah menjadikan demokrasi dan kebebasan memilih yang sebenarnya tidak ujud kerana adanya berbagai halangan sosial, politik dan budaya.